


Headline	MERAIKAN BULAN BIMI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	24	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	744 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 29,309
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,927



# MERAIKAN BULAN BUMI

## 30 pohon ditanam dengan campuran pokok kayu keras, buah-buahan di FRIM

**Yusliza Yakimir Abd Talib**

yusliza@hmetro.com.my

Setiap kali berpeluang bercuti ke negara orang, antara perkara sampingan yang menjadi agenda wajib penulis adalah meninjau taman bunga dan taman rekreasi sebanyak mungkin. Penulis selalu kagum dengan usaha beberapa negara yang pernah dikunjungi dalam menjaga khazanah alam, bukan sekadar kesejahteraan hutan malah pokok ditanam di tepi jalan juga diberikan penjagaan rapi.

Pada musim dingin contohnya, pangkal pokok di tepi jalan utama di tengah bandar khususnya akan 'diselimut' dan diberikan rawatan tertentu bagi memastikan ia terus mampu bertahan mengharungi kedinginan yang boleh mencecah di bawah paras beku.

Bahkan penduduk setempat juga turut berganding tenaga dalam menjaga kesejahteraan khazanah alam ini kerana ia bukan sekadar mencantikkan persekitaran, malah berfungsi membekalkan oksigen, membantu kawalan suhu bandar dan membersihkan udara secara semula jadi.

Penghargaan terhadap alam sekitar boleh dilihat dengan jelas bagaimana di sesetengah bandar, penduduknya menjadikan parit kecil di tepi kawasan perumahan sebagai taman rekreasi. Ia bukan saja bersih, tetapi disediakan juga kerusi kayu selain laluan jalan kaki untuk memberi keselesaan kepada

penduduk.

Hasilnya, ia menjadi tarikan pelancong walaupun pada pandangan kasar, lokasi berkenaan tiada keistimewaan apa-apa. Itu belum masuk bab bagaimana disiplinnya mereka dalam program kitar semula. Sampah dibuang dalam plastik khas, mengikut hari tertentu.

Masyarakat di Jepun contohnya menyediakan jadual giliran untuk mencuci pusat pengumpulan yang menempatkan tong sampah besar bagi memastikan kawasan perumahan mereka sentiasa bersih dan bebas daripada serangga perosak. Dalam soal penjagaan kebersihan dan kesejahteraan alam sekitar, memang tiada kompromi bagi mereka.

Usaha seperti inilah yang perlu kita contohi walaupun ada sesetengah pihak menganggapnya perkara lemah dan bukan 'tanggungjawab' mereka.

Namun usaha memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab setiap orang tanpa mengira latar belakang, justeru, Clarins Malaysia meraikan Bulan Bumi baru-baru ini dengan menganjurkan aktiviti pemuliharaan bersama 30 'Green Angels' dari Clarins Skin Spa.

Green Angels yang terdiri daripada kakitangan Clarins Skin Spa itu dibawa menanam pokok masing-masing di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Sebanyak 30 pokok ditanam dengan campuran

pokok kayu keras dan pokok buah-buahan. Di samping itu, bengkel guna semula turut dijalankan menggunakan botol plastik untuk membuat lampu suluh.

Inisiatif Green Angel Clarins bermula dari 1 Ogos 2016 hingga 31 Mac lalu bertujuan memberi inspirasi dan meningkatkan kesedaran mengenai perlindungan alam sekitar dan meminimumkan jejak karbon melalui kitar semula di semua Skin Spa.

Sepanjang kempen, pelanggan Clarins dianjurkan untuk membawa balik balang kosong, botol atau kotak untuk dikitar semula.

Pengurus Besar Clarins Malaysia dan Singapura Gillian Tyo berkata, pokok adalah sumber semula jadi yang terbaik untuk melindungi planet ini dan berfungsi membantu mengawal iklim, memperkayakan kualiti tanah dan memastikan bekalan makanan, oksigen dan air yang berterusan untuk semua hidupan.

"Kami sentiasa percaya dengan memberikan kembali kepada alam semula jadi. Kerjasama dengan FRIM adalah untuk menonjolkan kepentingan alam semula jadi dan membantu memperkayakan pokok tambahan di hutan tropika bagi mengekalkan ekosistem flora dan fauna tempatan. Pada masa yang sama untuk mengurangkan jejak karbon dengan menanam lebih banyak

pokok," katanya.

Sementara itu, bengkel guna semula yang menyeronokkan dan memuaskan turut dijalankan secara berasingan dengan kerjasama Inisiatif Biji-Biji iaitu aktiviti menggunakan botol kosong Clarins untuk digunakan semula dalam menghasilkan lampu suluh.

Di samping itu, sistem tanaman air mudah dan semula jadi turut diajar di mana setiap daripada kita boleh mula membuat rumah dan pejabat lebih hijau.

Gillian berkata, melalui penggunaan teknologi hijau, kaedah pengurusan sisa dan cara kreatif untuk menggunakan semula sampah, jenama itu berhasrat memberi inspirasi kepada pelanggan yang bertanggungjawab terhadap sisa mereka dan memberi impak minimum terhadap alam sekitar.

"Clarins di seluruh dunia mengamalkan prinsip 3R Mengurangkan, Mengguna Semula, Mengitar semula dan juga Menanam semula. Melalui pemilihan boleh dikitar semula, serta meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan semula, kita percaya bahawa kita boleh membantu mengurangkan kesan terhadap alam sekitar," katanya.

Headline	MERAIKAN BULAN BIMI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	24	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	744 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 29,309
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,927



Headline	MERAIKAN BULAN BIMI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	24	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	744 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 29,309
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,927



**PELANGGAN tekun membuat lampu suluh menggunakan botol terpakai.**